

Kedudukan *Khunthā* Dalam Undang-Undang Pusaka Islam

Mohd Zamro Muda
Amir Husin Mohd Nor

Abstract

The article explains the position of khunthā in the Islamic law of inheritance. The focus is given on the opinion of scholars of the sunni school and its solving method of division of khunthā's inheritance. As a result, the muslim scholars differ on determining the right proportion of khunthā's inheritance. However, the assured condition of khunthā is determining factor in dividing the inheritance.

Pendahuluan

Undang-undang pusaka Islam merupakan suatu undang-undang tentang pembahagian harta pusaka yang adil dan menyeluruh. Ini terbukti, di mana Islam tidak meminggirkan sesiapa sahaja ahli waris yang layak menerimanya sama ada ahli waris itu kecil, besar, lelaki ataupun perempuan. Begitu juga, ahli waris khunthā tetap

mendapat hak pusakanya. Walau bagaimanapun, terdapat perselisihan fuqaha' dalam menentukan bahagiannya. Perselisihan ini berlaku disebabkan timbulnya ketidakpastian dalam menentukan status sama ada khunthā tersebut lelaki ataupun perempuan. Walaupun insan khunthā ini jarang berlaku, tetapi penentuan pusakanya perlu diberi perhatian dalam memahami undang-undang pusaka Islam secara keseluruhannya.

Definisi *Khunthā*

Perkataan khunthā merupakan perkataan Arab yang diambil dari perkataan *khanathā* yang bermaksud tidak diketahui keadaannya. Perkataan khunthā juga bermaksud lembut kerana percakapan dan cara berpakaianya menyerupai perempuan.¹ Dari segi syarak, istilah khunthā diertikan sebagai seseorang yang mempunyai dua alat kelamin iaitu kemaluan lelaki dan kemaluan perempuan atau tidak terdapat sebarang tanda sama ada lelaki ataupun perempuan, tetapi yang ada hanya tempat keluar air kencing sahaja.²

Khunthā juga didefinisikan sebagai seorang yang cacat kejadiannya sehingga tidak dapat dipastikan sama ada dia lelaki ataupun perempuan. Dengan itu, timbul keraguan sama ada statusnya lelaki ataupun perempuan kerana manusia ciptaan Allah SWT tidak dapat lari dari dua jenis ini iaitu lelaki ataupun perempuan.³

Manusia diciptakan oleh Allah SWT di bumi ini sama ada sebagai seorang lelaki ataupun perempuan, begitu juga bagi khunthā yang mempunyai dua alat kemaluan ataupun tanpa kedua-duanya juga tidak terkeluar daripada dua penentuan sama ada lelaki ataupun perempuan, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Kepunyaan Allah SWT kerajaan langit dan bumi, Dia menciptakan apa yang Dia kehendaki, Dia memberikan anak-anak perempuan kepada siapa yang Dia kehendaki dan memberikan anak-anak lelaki kepada siapa yang Dia kehendaki.”⁴

Oleh itu, seseorang yang diciptakan oleh Allah SWT dengan jantina yang tertentu hendaklah menjalani kehidupan di dunia sesuai dengan ketentuan yang telah ditetapkan. Allah SWT dan Rasulullah s.'a.w melarang keras sesiapa yang melakukan sesuatu yang berlawanan dengan ketetapan syarak seperti seorang lelaki meniru gaya seorang perempuan dan sebaliknya, sebagaimana sabda Rasulullah s.'a.w yang bermaksud:

“Rasulullah s.'a.w melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki” (Riwayat al-'Asqalāni).

Cara Menentukan Jantina Khunthā

Manusia pada umumnya diciptakan oleh Allah SWT terdiri daripada lelaki dan perempuan. Tiap satunya mempunyai hukum yang jelas dengan adanya tanda-tanda dan ciri-ciri tertentu. Sekiranya seseorang dilahirkan mempunyai dua alat kelamin iaitu lelaki atau perempuan atau tanpa kedua-duanya, maka akan timbul kesulitan dalam menentukan jantinanya dan seterusnya dalam menetapkan bahagian harta yang mereka akan terima dalam pembahagian harta pusaka.

Para fuqaha' membahagikan khunthā kepada dua jenis [berdasarkan sama ada khunthā itu dapat dipastikan jantinanya atau tidak], iaitu:

- a) *Khunthā ghayr mushkil* (khunthā yang tiada keraguan), iaitu seseorang yang mempunyai dua alat kelamin atau tanpa kedua-duanya tetapi jelas keadaannya sama ada dia lelaki atau perempuan. Dalam keadaan ini, *ditarjihkannya* sebagai lelaki sekiranya terdapat ciri-ciri atau tanda-tanda tertentu yang menunjukkan dia seorang lelaki seperti tumbuh janggut atau misai, berkahwin dengan perempuan dan mampu memberikan zuriat, kencing sebagaimana lelaki dan sebagainya. Begitu juga sebaliknya. Jika ia mempunyai tanda-tanda yang menunjukkan ia seorang perempuan seperti minat kepada orang lelaki, datang haid, zahir buah dada, kencing sebagaimana perempuan, hamil dan sebagainya.⁵ Oleh itu, dalam keadaan ini, khuntha tersebut tidak menimbulkan sebarang kesukaran dalam menentukan statusnya sama ada dia seorang lelaki atau perempuan [kerana jika dia mempunyai tanda-tanda menunjukkan lelaki maka dia dihukumkan lelaki dan begitu sebaliknya].
- b) *Khunthā mushkil* (khunthā yang terdapat keraguan), iaitu seseorang yang tidak jelas keadaannya sama ada lelaki atau perempuan disebabkan tanda-tanda yang dinyatakan di atas tidak jelas atau mempunyai tanda-tanda yang bertentangan seperti zahir buah dada dan halkum dalam satu masa. Termasuk juga dalam kategori *khunthā mushkil* ialah seseorang yang tidak mempunyai kedua-dua alat kelamin sama ada alat kelamin lelaki atau perempuan sehingga terpaksa dibuat lubang tiruan untuk membuang air kecil atau air besar.⁶

Oleh itu, fuqaha' menetapkan dua cara bagi mengetahui jantina *khunthā mushkil* iaitu:

i. Melihat cara ia kencing semasa kecil

Sekiranya khunthā itu masih kecil, keadaan jantinanya boleh dipastikan dengan melihat tempat keluar air kencingnya [sama ada melalui alat kelamin lelaki atau perempuan]. Jika air kencing keluar melalui alat kelamin lelaki maka ia dihukumkan sebagai lelaki dan jika ia keluar melalui alat kelamin perempuan maka dia dihukumkan sebagai perempuan.⁷ Jika sekiranya air kencing keluar melaui kedua-dua

alat kelamin, sebahagian ulama' berpendapat bahawa ianya akan ditentukan dengan melihat alat kelamin yang mana lebih banyak mengeluarkan air kencing. Jika air kencing lebih banyak keluar melalui alat kelamin lelaki maka dia dihukumkan sebagai lelaki dan sebaliknya.⁸ Kebanyakan ulama' berpendapat bahawa statusnya boleh ditentukan dengan melihat alat kelamin mana yang lebih dahulu mengeluarkan air kencing. Jika air kencing keluar melalui alat kelamin lelaki lebih dahulu dari alat kelamin perempuan maka dia dihukumkan sebagai lelaki dan demikian sebaliknya.⁹

Walau bagaimanapun, sebahagian ulama' berpendapat bahawa penentuan khunthā sama ada lelaki atau perempuan dengan melihat kepada kekerapan mengeluarkan air kencing, bukannya ukuran sedikit atau banyak. Oleh itu, jika ia kencing melalui alat kelamin perempuan lebih kerap dari alat kelamin lelaki maka dia dihukumkan sebagai perempuan, walaupun yang keluar dari alat kelamin lelaki lebih banyak sukatannya berbanding dengan alat kelamin perempuan dan demikian sebaliknya. Jika semua tanda-tanda yang dinyatakan di atas tidak dapat dipastikan, ia kekal sebagai seorang *khunthā mushkil*¹⁰ iaitu dia tidak dianggap sebagai lelaki atau perempuan.

Diriwayatkan bahawa seorang ahli hikmah Arab pada zaman Jahiliyyah iaitu Amir Ibn al-Dharb ditanya oleh kaumnya tentang seorang perempuan yang melahirkan anak yang mempunyai dua alat kelamin. Amir menjawab: "*Dia adalah anak lelaki dan juga anak perempuan.*" Orang yang bertanya itu tidak berpuas hati dengan jawapan tersebut, kemudian Amir pulang ke rumah dan mengajukan persoalan itu kepada anak peremuannya yang pintar, lalu dijawabnya: "*Lihatlah dari mana air kencingnya itu keluar.*" Setelah mendengar jawapan daripada anak peremuannya, Amir keluar semula menemui kaumnya yang bertanya dan berkata: "*Tinggallah keadaan itu dan hukumlah melalui tempat kencingnya. Jika dia kencing melalui alat kelamin perempuan, maka dia adalah perempuan dan begitu sebaliknya.*" Cara penentuan ini diterima sebagai hukum pada zaman Jahiliyyah sehingga kedatangan Islam. Islam mengakuinya sebagaimana yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas bahawa Rasulullah s.'a.w pernah ditanya tentang bahagian ahli waris yang mempunyai sifat sedemikian, Baginda menjawab yang bermaksud "*Dari tempat kencingnya.*"¹¹

ii. Meneliti tanda-tanda kedewasaan

Sekiranya dengan memerhati tempat keluar air kencing seseorang khunthā semasa dia masih kecil tidak berhasil untuk menentukan jantinanya, maka penentuan tersebut boleh dibuat dengan melihat ciri-ciri kedewasaan yang ada padanya. Jika dia menampakkan mempunyai ciri-ciri seorang lelaki seperti tumbuh misai, janggut, keluar air mani, bersuara parau, cenderung mendekati perempuan, sifat atau perangainya seperti lelaki dan sebagainya, maka dia dihukumkan sebagai lelaki. Sebaliknya, jika ia menampakkan mempunyai ciri-ciri seorang perempuan seperti zahir buah dadanya, keluar haid, suara halus, lebih meminati lelaki, sifat atau

perangainya seperti perempuan dan sebagainya, maka dia dihukumkan sebagai perempuan.¹²

Jika sekiranya dia memiliki ciri-ciri kedewasaan seorang lelaki, maka dia adalah lelaki dan begitu sebaliknya. Sekiranya keadaan ini juga sukar dipastikan, maka dia dianggap sebagai *khunthā mushkil*. Ini akan menimbulkan kesulitan dalam pembahagian harta pusaka si mati kepadanya.¹³

Begitu juga terdapat sebahagian ulama' berpendapat bahawa jika sekiranya masih juga tidak dapat ditentukan jantinanya, maka ia akan ditentukan dengan melihat bilangan tulang rusuk di sebelah kiri badannya. Sekiranya bilangan tulang rusuk sebelah kiri kurang satu batang dari sebelah kanan, dia dihukumkan sebagai lelaki.¹⁴ Walau bagaimanapun, pendapat ini lemah kerana ia bertentangan dengan kaedah perubatan, di mana bilangan tulang rusuk lelaki dan perempuan adalah sama.¹⁵

Mengikut ilmu perubatan pula, jantina seorang *khunthā* boleh ditentukan berdasarkan ujian darah. Sekiranya hasil dari ujian tersebut didapati dalam badannya terdapat kromosom x + y yang merupakan kromosom seks bagi lelaki, maka dia dianggap sebagai seorang lelaki. Tetapi jika hasil ujian tersebut didapati kromosom x + x dalam sel badannya, maka dia dianggap sebagai perempuan. Walau bagaimanapun, keadaan sebenarnya boleh dilihat berdasarkan ciri-ciri pertumbuhan yang ada padanya.

Sekiranya masih tidak dapat ditentukan sama ada ianya seorang lelaki atau perempuan dengan melihat kepada tempat keluar air kencing atau tanda-tandanya saling bercanggahan antara lelaki dan perempuan setelah dia dewasa, pada ketika ini dia dihukumkan sebagai *khunthā mushkil* iaitu seseorang yang tidak dapat dibezakan sama ada dia seorang lelaki atau perempuan.¹⁶

Cara Pembahagian Harta Pusaka Kepada *Khunthā Mushkil*

Para ulama' sepakat menetapkan bahawa pembahagian pusaka kepada *khunthā ghayr mushkil* adalah berdasarkan tanda zahir yang ada padanya. Ini bermakna, sekiranya dia mempunyai ciri-ciri sebagai seorang lelaki, maka bahagian pusakanya mengikut bahagian seorang lelaki dan begitulah sebaliknya.

Di samping itu, ulama' juga bersepakat bahawa *khunthā mushkil* yang tidak diketahui keadaannya sama ada lelaki atau perempuan walaupun telah mencapai umur dewasa, tetap mempunyai hak dan bahagian terhadap harta pusaka. Walau bagaimanapun, mereka berselisih pendapat dalam menentukan kedudukan dan cara pembahagian pusaka sekiranya dia mewarisi bersama-sama dengan ahli waris lain. Perbezaan pendapat mereka adalah seperti berikut:

a) Mazhab Ḥanafī berpendapat bahagian khunthā adalah bahagian yang terendah di antara dua andaian sama ada dia diandaikan sebagai lelaki atau perempuan. Manakala ahli waris lain diberikan bahagian yang terbanyak. Pendapat ini juga merupakan pendapat umum para sahabat dan salah satu pendapat Imām Shāfiʻī.¹⁷

Menurut pendapat ini juga, sekiranya di dalam dua andaian tersebut (lelaki atau perempuan) terdapat salah satu andaian di mana *khunthā mushkil* tidak boleh mempusakai sama ada terdinding atau kehabisan harta, maka dia dianggap tidak boleh mewarisi.¹⁸

Dalam masa menunggu status jantina khunthā itu, terdapat dua pendapat dalam mazhab Ḥanafī, iaitu:¹⁹

- i. Dibekukan harta pusaka itu sehingga jelas keadaan khunthā tersebut.
- ii. Diberikan bahagian dari harta pusaka itu kepada setiap ahli waris termasuk bahagian khunthā mengikut kadar yang diyakini dan dibekukan bakinya sehingga jelas keadaan khunthā tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya dia kekal sebagai *khunthā mushkil*, ahli waris yang lain akan diberikan bahagian yang sempurna daripada harta pusaka tersebut. Oleh itu, khunthā akan mengambil bahagian yang paling rendah di antara dua bahagian itu kerana itulah yang lebih diyakini.

Cara pembahagian pusaka kepada *khunthā mushkil* menurut mazhab Ḥanafī ialah pertamanya, pastikan bahawa khunthā itu tidak terdinding secara *hajb hirmān* dalam apa jua keadaannya (sama ada dia dalam keadaan lelaki atau perempuan). Sekiranya dia terdinding menurut salah satu daripada dua keadaan itu, maka dia tidak berhak ke atas harta pusaka itu dan juga tidak disimpan apa-apa bahagian untuknya.

Keduanya, setelah dipastikan dia tidak terdinding oleh mana-mana ahli waris, diperuntukkan bahagian kepadanya sebagai seorang ahli waris lelaki, kemudian diperuntukkan pula bahagiannya sebagai seorang ahli waris perempuan untuk mengetahui haknya pada kedua-dua bahagian. Setelah itu, diperuntukkan kepadanya bahagian yang paling rendah di antara kedua-dua keadaan itu. Jika sekiranya bahagian seorang ahli waris perempuan lebih rendah berbanding bahagian seorang ahli waris lelaki, maka hendaklah dianggap dia sebagai perempuan dan mendapat bahagiannya sebagai ahli waris perempuan dan begitulah sebaliknya. Ini kerana bahagian yang paling rendah itu adalah yang lebih diyakini untuknya.²⁰

b) Imām Mālik, Abū Yūsuf dan Shī'ah Imāmiyyah berpendapat bahawa bahagian *khunthā mushkil* ialah separuh bahagian jika dia diandaikan lelaki dan separuh bahagian jika dia diandaikan perempuan.²¹ Sekiranya *khunthā mushkil* itu hanya mempusakai salah satu sahaja dari dua andaian itu, maka dia akan mengambil separuh bahagian dari andaian di mana dia boleh mempusakai.²² Sebaliknya, jika

sekiranya bahagian kedua-dua andaian itu sama banyak, maka dia (*khunthā mushkil*) akan mengambil salah satu daripada bahagian tersebut.²³

c) Mazhab Shāfi‘ī berpendapat bahawa semua ahli waris termasuk khunthā akan mengambil bahagian yang paling minimum kerana inilah yang diyakini. Sementara itu, bakinya akan ditangguhkan pemberiannya sehingga jelas kedudukan khunthā tersebut sama ada lelaki atau perempuan.²⁴ Sekiranya persoalan khunthā masih tidak jelas ahli-ahli waris hendaklah mengadakan satu rundingan untuk saling menghibahkan (membahagikan) baki harta yang ditangguhkan itu.²⁵

Menurut pendapat ini juga, jika sekiranya bahagian khunthā sama banyak sama ada dia diandaikan lelaki atau perempuan, maka tidak akan berlaku penahanan harta. Begitu juga, jika sekiranya salah satu dari andaian tersebut terdapat salah satu andaian di mana khunthā tidak boleh mewarisi kerana didinding atau kehabisan harta, maka dia tidak boleh mewarisi sehingga jelas kedudukannya.²⁶ Di samping itu, menurut pendapat yang muktamad di kalangan fuqaha’ mazhab Shāfi‘ī bahawa jika terdapat ahli waris yang terdinding dengan salah satu dari andaian sama ada khunthā itu lelaki atau perempuan maka ahli waris tersebut tidak boleh mewarisi.²⁷

d) Mazhab Hanbalī berpendapat bahawa bahagian yang paling minimum diberikan kepada khuntha di antara dua andaian sama ada lelaki atau perempuan sehingga jelas kedudukannya dan bakinya ditangguhkan dahulu pemberiannya. Pendapat ini sama seperti pendapat mazhab Shāfi‘ī pada peringkat permulaannya. Walau bagaimanapun, sekiranya kedudukan khunthā itu tidak jelas juga selepas itu (bila dia dewasa), mereka berpendapat sama seperti pendapat Imām Malik iaitu bahagian khunthā adalah separuh dari dua andaian sama ada lelaki atau perempuan. Jika sekiranya dia mewarisi dari salah satu andaian tersebut, maka ia akan mendapat separuh bahagian dari andaian tersebut.²⁸

Setelah diteliti dari keempat-empat pendapat di atas, kebanyakan fuqaha’ menetapkan bahawa bahagian pusaka seorang *khunthā mushkil* pada asasnya adalah yang terendah daripada bahagian yang sepatutnya diterima sekiranya dia seorang lelaki atau perempuan.²⁹

Beberapa Contoh Penyelesaian Pembahagian Harta Pusaka Kepada *Khunthā Mushkil* Berdasarkan Pendapat Fuqaha’

Di dalam bahagian ini akan dikemukakan beberapa contoh pembahagian harta pusaka kepada *khunthā mushkil* yang mewarisi bersama-sama ahli-ahli waris yang lain berdasarkan pandangan fuqaha’. Di antaranya adalah seperti berikut:

Kes A: Seorang lelaki meninggal dunia dengan meninggalkan seorang isteri, ibu bapa dan seorang anak *khunthā mushkil*. Pembahagiannya adalah seperti berikut:

- Anak *khunthā mushkil* itu diandaikan sebagai lelaki (anak lelaki):

| Waris | Fardu | Asal Masalah | Saham |
|---|---------|--------------|-----------|
| Isteri | 1/8 | | 3 |
| Ibu | 1/6 | | 4 |
| Bapa | 1/6 | | 4 |
| Anak <i>khunthā</i> sebagai anak lelaki | 'Asabah | | 13 |
| Jumlah | | | 24 |

- Anak *khunthā mushkil* itu diandaikan sebagai perempuan (anak perempuan):

| Waris | Fardu | Asal Masalah | Saham |
|--|---------------|--------------|-----------|
| Isteri | 1/8 | | 3 |
| Ibu | 1/6 | | 4 |
| Bapa | 1/6 + 'Asabah | | 4 + 1 = 5 |
| Anak <i>khunthā</i> sebagai anak perempuan | 1/2 | | 12 |
| Jumlah | | | 24 |

- **Mazhab Hanafī**

Berdasarkan penyelesaian di atas, jelas menunjukkan bahawa andaian *khunthā mushkil* itu sebagai lelaki lebih besar bahagiannya (13/24) berbanding andaian dia sebagai perempuan (12/24). Oleh itu mengikut pendapat mazhab Hanafī, *khunthā mushkil* itu hendaklah dianggap sebagai seorang perempuan kerana ia merupakan bahagian yang paling rendah di antara dua andaian di atas. Sekiranya, *khunthā mushkil* itu jelas keadaannya sebagai seorang lelaki selepas itu, maka bapa hendaklah mengembalikan bahagian 1/5 kepada *khunthā* tersebut.

- **Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī**

Bagi mazhab Mālikī dan Ḥanbalī, mereka menetapkan bahawa *khunthā mushkil* akan menerima separuh dari keseluruhan dua andaian di atas iaitu bahagian lelaki dan

bahagian perempuan. Ini bermakna separuh dari kedua-dua bahagian iaitu $13/24$ (jika diandaikan lelaki) dan $12/24$ (jika diandaikan perempuan) ialah $13/24 + 12/24 = 25 \times 1/2 = 25/48$.

- **Mazhab Shāfi‘ī**

Mazhab Shāfi‘ī berpendapat dalam kes tersebut, khunthā itu hendaklah dianggap sebagai seorang anak perempuan dan mendapat bahagiannya iaitu $12/24$ daripada harta peninggalan si mati. Ini kerana bahagian itu ($12/24$) lebih diyakini untuknya, sedangkan bahagian lelaki $13/24$ merupakan bahagian yang diragui untuknya dan hak tidak sabit berdasarkan keraguan. Manakala bahagian $1/24$ lagi akan dibekukan sehingga jelas kedudukannya. Sekiranya ternyata pada akhirnya khunthā itu lelaki, bahagian yang dibekukan itu ($1/24$) hendaklah diberikan kepadanya, tetapi sekiranya yang berlaku adalah sebaliknya maka bahagian yang dibekukan itu diberikan kepada bapa sebagai ahli waris ‘asabah. Walau bagaimanapun, jika sekiranya keadaan khunthā itu tidak jelas juga, maka para ahli waris hendaklah mengadakan satu rundingan damai untuk saling menghibahkan (membahagikan) baki harta ($1/24$) yang dibekukan itu.

Kes B: Seorang lelaki meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri, ibu, dua orang saudara lelaki seibu, seorang saudara perempuan seibu sebaa dan seorang saudara khunthā sebaa. Pembahagiannya adalah seperti berikut:

i. Saudara khunthā sebaa diandaikan lelaki (saudara lelaki sebaa):

| Waris | Fardu | Asal Masalah | Saham |
|--|---------|--------------|----------------|
| Isteri | $1/4$ | “ 12 | 3 |
| Ibu | $1/6$ | | 2 |
| Dua orang saudara lelaki seibu | $1/3$ | | 4 |
| Seorang saudara perempuan seibu sebaa | $1/2$ | | 6 |
| Seorang saudara lelaki sebaa (khunthā) | ‘Asabah | | - |
| Jumlah | | | ‘Awl 15 |

ii. Saudara khunthā sebapa diandaikan perempuan (saudara perempuan sebapa)

| Waris | Fardu | Asal Masalah | Saham |
|--|-------|--------------|----------------|
| Isteri | 1/4 | 12 | 3 |
| Ibu | 1/6 | | 2 |
| Dua orang saudara lelaki seibu | 1/3 | | 4 |
| Seorang saudara perempuan seibu sebapa 1/2 | | 6 | |
| Seorang saudara perempuan sebapa (khunthā) | 1/6 | 2 | |
| Jumlah | | | 'Awl 17 |

- **Mazhab Hanafī**

Dalam masalah di atas, seorang saudara khuntha sebapa hendaklah diandaikan lelaki kerana bahagian yang diterimanya lebih sedikit berbanding dengan andaian dia seorang perempuan. Andaiannya sebagai lelaki menyebabkan dia mendapat *'asabah* iaitu mengambil baki harta, sedangkan dalam masalah tersebut baki harta tidak ada kerana dihabiskan oleh ahli waris *ashāb al-furūd* lain dan *asal mas'alah* 12 menjadi *'awl* kepada 15.

- **Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī**

Dalam masalah di atas, khunthā hanya mewarisi dari salah satu andaian sahaja iaitu andaian bahawa dia seorang perempuan. Oleh itu, menurut pendapat mazhab Mālikī dan Ḥanbalī khunthā akan mengambil separuh bahagian dari andaian tersebut (andaian sebagai perempuan) iaitu $2/17 \times 1/2 = 2/34$.

- **Mazhab Shāfi'i**

Menurut pendapat mazhab Shāfi'i pula, khunthā tersebut hendaklah diandaikan lelaki dan dia tidak mendapat apa-apa bahagian kerana kehabisan harta. Manakala 2 saham ($2/17$) jika dia diandaikan perempuan hendaklah dibekukan sehingga jelas kedudukannya.

Kes C: Seorang meninggal dunia dan meninggalkan seorang anak lelaki, seorang anak perempuan dan seorang anak khunthā. Penyelesaiannya adalah seperti berikut:

i. Seorang anak khunthā diandaikan lelaki (anak lelaki):

| Waris | Fardu | Asal Masalah | Saham |
|--|---------|--|---|
| Dua orang anak lelaki dan seorang anak perempuan | 'Asabah | 5 (2×2) + 1 iaitu bilangan anak lelaki didarabkan dengan 2 dan dicampurkan dengan bilangan anak perempuan | Setiap seorang anak lelaki mendapat 2 dan seorang anak perempuan mendapat 1, maka dua orang anak lelaki mendapat 4. |
| Jumlah | | | 5 (4 + 1) |

ii. Seorang anak khunthā diandaikan perempuan (anak perempuan):

| Waris | Fardu | Asal Masalah | Saham |
|--|---------|--|--|
| Seorang anak lelaki dan dua orang anak perempuan | 'Asabah | 4 (1×2) + 2 iaitu bilangan anak lelaki didarabkan dengan 2 dan dicampurkan dengan bilangan anak perempuan | Seorang anak lelaki mendapat 2 dan setiap seorang anak perempuan mendapat 1, maka dua orang anak perempuan mendapat 2. |
| Jumlah | | | 4 (2 + 2) |

Di dalam masalah di atas, jika anak khunthā diandaikan lelaki, maka dia akan mendapat $\frac{2}{5}$ bahagian, seorang anak lelaki mendapat $\frac{2}{5}$ dan seorang anak perempuan mendapat $\frac{1}{5}$. Manakala jika dia diandaikan perempuan maka dia akan mendapat $\frac{1}{4}$, seorang anak lelaki mendapat $\frac{2}{4}$ dan seorang anak perempuan mendapat $\frac{1}{4}$.

- **Mazhab Hanafi**

Di dalam masalah di atas, anak khunthā tersebut hendaklah diandaikan perempuan kerana bahagian yang diterimanya lebih sedikit ($\frac{1}{4}$) jika dibandingkan dengan andaiannya sebagai lelaki ($\frac{2}{5}$). Oleh itu, pembahagian pusaka kepada anak khunthā adalah sebagaimana penyelesaian yang kedua iaitu dia mendapat $\frac{1}{4}$ sebagai anak perempuan.

- **Mazhab Mālikī dan Ḥanbalī**

Bagi mazhab Mālikī dan Ḥanbalī, mereka menetapkan bahawa anak khunthā akan menerima separuh dari kedua-dua andaian di atas iaitu bahagian lelaki (2/5) dan bahagian perempuan (1/4). Ini bermakna separuh dari kedua-dua bahagian iaitu 2/5 (jika diandaikan lelaki) dan 1/4 (jika diandaikan perempuan) ialah 13/40 ($2/5 + 1/4 = 13/20 \times 1/2 = 13/40$).

- **Mazhab Shāfi’ī**

Dalam kes di atas, anak khunthā hendaklah dianggap sebagai anak perempuan dan mendapat 1/4 daripada harta peninggalan si mati. Ini kerana bahagian itu lebih diyakini untuknya sedangkan bahagian 2/5 (jika diandaikan lelaki) merupakan bahagian yang diragui.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas, Islam mengiktiraf khunthā merupakan seorang waris yang berhak mendapat harta pusaka peninggalan pewarisnya. Walau bagaimanapun, para fuqaha’ berselisih pendapat dalam menentukan bahagian yang sepatutnya diberikan kepadanya. Namun begitu, hasil daripada perselisihan tersebut dapat disimpulkan bahawa khunthā akan mewarisi bahagian yang terendah di antara dua andaian sama ada lelaki atau perempuan. Ini kerana bahagian tersebut paling diyakini dan merupakan jalan penyelesaian yang sewajarnya disebabkan ketidaktentuan jantina khunthā.

Nota Hujung

1. Al-Šābūnī, Muḥammad ‘Alī (1989), *al-Mawārīh fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah fī Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*, Damshiq: Dār al-Qalam, h. 194.
2. Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abdullāh bin Ahmad bin Muḥammad (1969), *al-Mughnī*, Miṣr: Maktabat al-Qāhirah, Juz. 6, h. 336; Muḥammad Muhy al-Dīn ‘Abd al-Hamīd (1991), *Aḥkām al-Mawārīh fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah ‘alā al-Madhāhib al-Ā’immaḥ al-Arba’ah*, Beirut: al-Maktabah al-‘Asriyyah, h. 201.
3. Muḥammad Yūsuf Mūsā (1967), *al-Tarikah wa al-Mirāth fī al-Islām ma’ a Madkhal fī al-Mirāth ‘ind al-‘Arab wa al-Yahūd wa al-Ruman Bahth Muqāran*, al-Qāhirah: Dār al-Ma’rifah, h. 351.
4. Al-Qur’ān, al-Shūrā, 42: 48.
5. Shalabī, Ḥamdī ‘Abd al-Na’im (t.t), *al-Rā’id fī ‘Ilm al-Farā’id*, al-Qāhirah: Ibn Sīnā, h. 161.
6. *Ibid.*, h. 162.
7. Muṣṭafā ‘Āshūr (t.t), *‘Ilm al-Mirāth*, al-Qāhirah: Maktabah al-Qur’ān, h. 199; al-Juburī, Abū al-Yaqzān ‘Atiyyah (1969), *Hukm al-Mirāth fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah*, Baghdād: Dār al-Nadir li al-Ṭaba’ah wa al-Nashr, h. 185.
8. Al-Mutī’ī, Muḥammad Najīb (t.t), *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*, Juz. 15, Miṣr: Matba’at al-Imām, h. 262.
9. Darādikah, Yāsīn Ahmad Ibrāhīm (1986), *al-Mirāth fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah, h. 259.
10. Al-Dardīr, Ahmad bin Muḥammad bin Ahmad bin Abī al-Barakāt (1974), *al-Sharḥ al-Saghīr ‘alā Aqrab al-Masālik ilā Madhhab Imām Mālik*, Dār al-Ma’arif, Juz. 4, h. 726.
11. Al-Šābūnī, *op.cit.*, h. 195.
12. Badrān, Badrān Abū ‘Aynayn (1985), *al-Mawārīh wa al-Waṣīyyah wa al-Hibah fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn wa Nuṣūs al-Qawāniḥ al-Šādirah li Sha’niḥā*, al-Iskandariyyah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi’ah, h. 102; Al-‘Anī, Muḥammad Shāfiq (1970), *Aḥkām al-Ahwāl al-Shahsiyyah fī al-‘Irāq*, t.t.p.: al-Matba’ah al-Fanniyyah al-Hadithah, h. 255.
13. Fatchur Rahman (1975), *Ilmu Waris*, Bandung: PT Al-Ma’arif, h. 484.
14. Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff (1987), *Hukum Pusaka Dalam Islam Satu Kajian Perbandingan*, Selangor: Penerbitan Hizbi, h. 163.
15. Al-Bar, al-Sayyid Muḥammad ‘Alī (1992), “*Mushkilat al-Khunthā bayna al-Tibb wa al-Fiqh*,” *Majallat al-Majma’ al-Fiqhi al-Islāmī*, Juz. 6, h. 280.
16. Al-‘Uthaymin, Muḥammad Ṣalih, *Tashīl al-Farā’id*, Maktabah al-Rashd, al-Riyad, 1985, h. 141; Makhlūf, Ḥasanayn Muḥammad (1958), *al-Mawārīh fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah*, t.t.p.: Matba’ah li Jannah al-Bayān al-‘Arabi, h. 194.

17. Muhammad Muhy al-Dīn ‘Abd al-Hamīd, *op.cit.*, h. 205; al-Fawzān, Sālih bin Fawzān bin ‘Abdullāh (1407H), *al-Taḥqīqat al-Mardiyah fī al-Mabāḥith al-Faradiyyah*, Madinah al-Munawwarah: Maṭābi’ al-Jāmi’ah al-Islāmiyyah, h. 210.
18. Fatchur Rahman, *op.cit.*, h. 486.
19. Muhammad Yūsuf Mūsa, *op.cit.*, h. 353.
20. Abdul Kadir Ismail (1983), *Sistem Pusaka Islam*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia, h. 320.
21. Al-Sayyid Sābiq (1988), *Fiqh Sunnah*, t.tp., Jil. 3, h. 454; al-Zuhaylī, Wahbah (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damshiq: Dār al-Fikr, Juz. 8, h. 427; Badrān, Badrān Abū al-‘Aynayn (1981), *Aḥkām al-Tarikah wa al-Mawārith fī al-Shari’ah al-Islāmiyyah wa al-Qānūn*, Iskandariyyah: Mu’assasah Shabāb al-Jāmi’ah, h. 317.
22. Muhammad Muhy al-Dīn ‘Abd al-Hamīd, *op.cit.*, h. 206.
23. Abdul Kadir Ismail, *op.cit.*, h. 321; Fatchur Rahman, *op.cit.*, h. 489.
24. Al-Juburī, *op.cit.* h. 186; al-Sābūnī, *op.cit.*, h. 196.
25. Al-Fawzān, *op.cit.*, h. 211.
26. Fatchur Rahman, *op.cit.*, h. 488.
27. Al-Sābūnī, *op.cit.*, h. 196.
28. Ibn Qudāmah, *op.cit.*, h. 336; al-Zuhaylī, *op.cit.*, h. 428; al-Lahim, ‘Abd al-Karīm bin Muhammad (1986), *al-Farā’id*, al-Riyad: Maktabat al-Ma’ārif, h. 155.
29. Abdul Rashid Haji Abdul Latiff, *op.cit.*, h. 167.